

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU
PERBICARAAN JENAYAH NO. 45-8-1996

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

1. SALLEH BIN ZAKARIA
2. SYAMSUDDIN BIN RAMLI

ALASAN PENGHAKIMAN

Salleh bin Zakaria (Tertuduh 1) dan Syamsuddin bin Ramli (Tertuduh 2) dituduh bersama-sama mengedar dadah berbahaya iaitu 18,879.1 gram cannabis (dadah tersebut) di dalam sebuah kereta bernombor plet palsu PAG 312 di sekatan jalanraya (SJR) di Lalang Pepuyu, Tanah Merah, Kelantan pada 27.9.1995 pukul 8.40 malam. Di akhir kes pendakwa kedua-dua mereka telah dibebaskan dan dilepaskan tanpa pembelaan mereka dipanggil kerana pihak pendakwa yang bergantung kepada anggapan mengedar di bawah sek. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) didapati gagal membuktikan pemilikan dadah itu oleh mereka bersama atau bersendirian dengan itu tiada kes

pengedaran dadah dibuktikan terhadap mereka. Alasan ringkas tersebut telah dirakam sebagai keputusan Mahkamah dalam nota prosiding tetapi memandangkan rayuan terhadap keputusan itu masih belum didengar hingga sekarang atas sebab ketiadaan Alasan Penghakiman maka kini disediakan alasan penghakiman yang lebih terperinci dan lengkap.

Fakta Kes

Pada tarikh dan waktu yang dinyatakan kereta Nissan Stanza bernombor plet PAG 312 telah ditahan di SJR Lalang Pepuyu oleh K/Inspektor Yahya (SP12) dan pasukannya. Ia dipandu oleh Tertuduh 1 dengan Tertuduh 2 duduk di sebelahnya. Pemeriksaan rambang di dalam, belakang dan di boot kereta itu tidak mendedahkan apa-apa yang menyalahi. Apabila kereta itu ditolak ke tepi dan bonetnya dibuka, SP12 nampak satu bungkusan plastik warna ungu muda di celah mesin. Dia telah mengangkatnya keluar dan di dalamnya didapati 15 bungkusan plastik cerah berisi tumbuhan mampat yang disyaki ganja (cannabis). SP12 membuat pemeriksaan teliti di bahagian dalam kereta dan telah menjumpai 5 lagi bungkusan

tumbuhan mampat yang serupa di bawah kusyen tempat duduk belakang kereta.

Tertuduh 1 dan 2 ditahan dan dibawa bersama bungkusan-bungkusan tersebut ke Balai Polis Lalang Pepuyu di mana laporan polis dibuat.

Tangkapan ini adalah hasil daripada perancangan perangkap oleh polis yang bermula daripada taklimat oleh ASP Mokhtar yang tidak dipanggil sebagai saksi. Ekorannya Detektif Koperal Syed Hashim (SP10) bersama seorang anggota polis lain telah membuat pemerhatian di kawasan masjid Kampong Rahmat. Pada pukul 8.10 malam dia nampak sebuah kereta dipandu perlahan berulang alik di jalan besar di hadapan masjid itu masuk ke lorong di tepi masjid dan pergi ke kawasan belakang masjid. Dia tak nampak apa yang berlaku di situ kerana gelap. Dia hanya dengar bunyi 2 pintu kereta dibuka diikuti 5 minit kemudian dengan bunyi bonet ditutup. Lepas itu dia nampak satu lembaga keluar daripada lorong itu menghala ke jalan besar dan melintasi jalan. Dia nampak kerlipan api yang mungkin daripada lighter. Kereta tadi kemudian dilihat

keluar daripada lorong dan hanya memasang lampu apabila sampai di bahu jalan. Daripada lampu kereta SP10 mengecam nombor pendaftaran sebagai PAG 312 dengan hanya pemandu di dalamnya dan juga mengecam lembaga yang berjalan keluar tadi daripada rupa dan pakaiannya adalah Tertuduh 2. Tertuduh 2 memasuki kereta itu (di sebelah pemandu) yang dipandu menghala Lalang Pepuyu. Kereta itu tak lama kemudian memberi lampu isyarat ke kiri dan berhenti selama 3-4 minit sebelum meneruskan perjalanannya.

SP11 yang mengetui kumpulan bergeraknya diberitahu oleh SP10 melalui walkie talkie dan telah datang dengan kenderaannya ke Kampong Rahmat. Dia nampak kereta memberi isyarat ke kiri dan berhenti dan mengekori kereta itu sejauh 6 km hingga ke SJR Lalang Pepuyu.

Pada hari sebelumnya 26.9.95 pukul 8.10 malam SP5 yang bertugas di Hotel Tokyo Baru di Kota Bharu ada mendaftar seorang tetamu bernama Syamsuddin bin Ramli dengan butirannya dalam buku daftar hotel itu untuk penginapan 2

orang selama semalam dan mengeluarkan resit bagi bayaran yang diterima. Dia tak ingat rupa orangnya.

SP4 atendan letak kereta yang bertugas pada 27.9.95 pukul 8.00 pagi hingga 12.45 tengah hari mengesahkan beliau telah mengeluarkan tiket letak kereta pada kereta PAG 312 yang diletak di petak No. 6 di hadapan Hotel Tokyo Baru setiap ½ jam mulai pukul 8.00 pagi hingga 11.30 pagi itu.

SP12 yang memeriksa kereta PAG 312 itu telah mengambil 3 keping disc cukai jalan pada cermin kereta itu – 2 disc bagi kereta PAG 312 dan 1 disc bagi kereta BBG 7869. Daripada dalam kereta itu dia juga mengambil 1 telefon bimbit yang didaftar atas nama Tertuduh 2, 8 keping tiket letak kereta yang dikeluarkan ke atas kereta PAG 312 dan resit Hotel Tokyo Baru atas nama Syamsuddin bin Ramli selain daripada barang-barang lain seperti pakaian, tuala, cadar, alat pemerah, permainan video dan lain-lain yang tidak dipasti kepunyaan siapa.

Keterangan juga dikemukakan bahawa kereta yang berdaftar dengan nombor PAG 312 adalah kereta jenis Honda

Accord kepunyaan SP7 yang disc cukai jalannya hilang pada bulan Julai 1995. Kereta Nissan Stanza bernombor BBG 7869 adalah milik SP6 antara April 1993 hingga April 1995 tetapi dia telah menyerahkannya kepada agen jualan kerana tak habis bayar pinjaman. Menurutny, kereta itu telah dijual tetapi belum ditukar nama.

Pegawai Penyiasat kes SP14 mengesahkan yang Tertuduh 1 tidak mempunyai sebarang lesen memandu.

Adakah kes pengedaran/pemilikan?

Di akhir kes pendakwaan peguambela-peguambela bijaksana yang mewakili Tertuduh 1 & 2 menghujahkan bahawa pendakwa telah gagal membuktikan hubungan antara Tertuduh 1 & 2 dengan dadah yang dijumpai oleh itu tiada kes pengedaran dadah mahupun pemilikan dibuktikan.

Yang pasti adalah dadah tersebut dijumpai di dalam kereta Nissan Stanza bernombor plet palsu yang ditahan di SJR Lalang Pepuyu dengan Tertuduh 1 sebagai pemandu dan Tertuduh 2 duduk di sebelahnya. Apa yang penting ialah dadah tersebut

sebahagiannya dijumpai terletak di celah mesin dan sebahagian lagi di bawah kusyen tempat duduk belakang kereta itu iaitu tempat yang tidak boleh dilihat oleh sesiapa yang memandu atau menaiki kereta itu.

Walau pun Tertuduh 1 memandu kereta itu, tiada bukti bahawa dadah itu berada dalam jagaan atau kawalannya atau dia sedar atau mengetahui tentang kewujudannya di dalam kereta itu. SP10 tidak nampak siapa yang memandu kereta itu di masjid Kampong Rahmat. Terdapat kemungkinan Tertuduh 1 hanya menaiki kereta itu apabila kereta berhenti di tepi jalan 3 – 4 minit selepas keluar dari lorong masjid. Dadah tersebut terletak di tempat yang tersorok daripada pandangan sesiapa yang menaiki kereta itu. Tiada diketahui siapa dan bila dadah tersebut diletak di situ. SP10 tak nampak apa yang berlaku di dalam semak di belakang masjid – bunyi yang didengarnya adalah meragukan kerana ia diakui hanya anggapannya sahaja. Tiada kepastian sama ada Tertuduh 1 merupakan orang yang bersama Tertuduh 2 di Hotel Tokyo Baru dan sama ada mereka bermalam di situ walau pun nama Tertuduh 2 didaftarkan. Dan tiada dibuktikan kaitan kereta PAG 312 yang diletak di hadapan

hotel itu pagi esoknya dengan Tertuduh 1. Bahkan Tertuduh 1 tidak pernah dilihat memandu kereta itu sebelum ditahan di SJR. Dia tidakpun memiliki lesen memandu. Seperti diujahkan oleh peguambela tiada anggapan statutori di bawah seksyen 37 ADB yang boleh mengaitkan Tertuduh 1 dengan dadah tersebut. Juga tiada bukti hubungan antara Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 selain mereka ada bersama di dalam kereta itu semasa ditahan.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana sendiri mengakui dalam hujahnya bahawa anggapan di bawah seksyen 37(d), (g) dan (h) ADB tidak terpakai dalam kes ini. Kesnya dikatakan berasaskan anggapan seksyen 37(da) sahaja. Dengan hormatnya, anggapan mengedar dalam seksyen itu jelas bergantung kepada bukti pemilikan. Seperti dihuraikan lebih awal, di sini tiada secebis pun keterangan yang menunjukkan pemilikan dadah tersebut oleh Tertuduh 1. Tiada keterangan hal keadaan yang dikemukakan boleh mengaitkan Tertuduh 1 dengan dadah yang dirampas. Oleh itu tiada kes dibuktikan untuk dijawab olehnya. Dalam kes SYED ALI BIN SYED ABDUL HAMID & ANOR v. PP (1982) 1 MLJ 132 FC, pemandu

kereta dibebaskan daripada pertuduhan mengedar dadah berbahaya yang dijumpai tersorok di belakang tempat duduk belakang kereta itu walau pun dia didapati memandu kereta yang sama 2 hari berturut-turut. Kes yang sama juga memutuskan dalam situasi dadah dijumpai tersorok di dalam kereta (sama seperti kes sekarang) anggapan pemilikan dan pengetahuan di bawah seksyen 37(d) ADB adalah tidak relevan.

Kedudukan Tertuduh 2 tidak berbeza. Keterangan yang ada hanya membuktikan dia sebagai penumpang kereta PAG 312 semasa ditahan. Dia bukan tuan punya kereta itu dan tidak dibuktikan sebagai penyewa atau peminjamnya, oleh itu tidak mempunyai jagaan atau kawalan ke atasnya. Penjumpaan telefon bimbitnya dan resit hotel di dalam kereta itu tidak lebih daripada menunjukkan yang dia pernah menaikinya yang disahkan dengan kehadirannya sebagai penumpang semasa kereta itu ditahan.

Anggapan mengedar di bawah seksyen 37(da) ADB hanya berbangkit jika Tertuduh 2 buktikan memiliki dadah tersebut. Di sini tidak ditunjukkan yang Tertuduh 2 sedar atau tahu

tentang kehadiran dadah tersebut di dalam kereta yang dinaikinya. Walau pun dia dibuktikan berada dekat masjid Kampong Rahmat pada malam itu, apa yang berlaku di belakang masjid tidak diketahui dan kerlipan api daripada lighter yang dikatakan sebagai isyarat boleh membawa berbagai inferens kerana tiada lighter dijumpai. Tiada keterangan boleh menunjukkan yang Tertuduh 2 tahu yang dadah tersebut tersorok dicelah engin atau di bawah kusyen belakang kereta kerana ia tidak boleh dilihat dengan mata kasar oleh sesiapa yang menaiki kereta itu. Juga tidak dibuktikan niat bersama-sama Tertuduh 2 dan Tertuduh 1 untuk mengedar dadah yang dijumpai. Seperti dihujah oleh peguambela yang bijaksana keadaan yang hampir sama berlaku dalam kes PR v. ONG BOON KEK & YANG LAIN (1991) 3 CLJ 1744 di mana kedua-dua pemandu dan penumpang kereta dibebaskan daripada pertuduhan mengedar dadah.

Bertarikh : 11.10.2007

TENGGU DATO' BAHARUDIN SHAH BIN TENGGU MAHMUD
Hakim Mahkamah Rayuan

Timbalan Pendakwa Raya Azman bin Abdullah
b.p. Pendakwa Raya

Apandi Ali mewakili Tertuduh 1

Abdul Aziz Derashid mewakili Tertuduh 2